



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
SIRI 03/2024



PERSIAPAN RAMADAN 08 MAC 2024 / 27 SYAABAN 1445H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan sebenar-benar takwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan takwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah Subhanahu wa Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Kita sekarang berada di hujung bulan Syaaban. Beberapa hari lagi kita akan menyambut kedatangan bulan Ramadan yang penuh keberkatan. Bulan Ramadan adalah bulan yang dinanti-nantikan kehadirannya oleh umat Islam, kerana pada bulan itu banyak peluang dan kesempatan yang baik untuk meningkatkan keimanan dan



amal ibadah. Bulan Ramadan dikenal sebagai bulan barakah, bulan maghfirah dan bulan ibadah, pahalanya dilipatgandakan dan bulan membentuk jiwa untuk umat Islam agar mereka bertakwa. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Baqarah ayat 183,

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِن قَبْلِكُمْ
لَعَلَّكُمْ تَتَّقُونَ

Yang bermaksud: *"Wahai orang yang beriman, diwajibkan atas kamu berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang sebelum kamu agar kamu bertakwa"*.

Apabila datangnya bulan yang mulia ini maka Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam berdoa sebagai tanda kegembiraannya untuk menyambut Ramadan .

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Yang bermaksud: *"Ya Allah, berkatilah kami pada bulan Rejab dan Sya'ban, serta pertemukanlah kami dengan Ramadan"*

Bagi menyambut kedatangan bulan Ramadan yang penuh keberkatan ini, maka hendaklah kita bersama-sama mengukuhkan akidah kita dengan cara membersihkan hati daripada syirik dan sifat-sifat mazmumah. Firman Allah Subhanahu wa Taala dalam surah al-Syams ayat 9 hingga 10:

قَدْ أَفْلَحَ مَنْ زَكَّاهَا ﴿٩﴾ وَقَدْ خَابَ مَنْ دَسَّاهَا ﴿١٠﴾



Yang bermaksud: *“Sesungguhnya telah berjaya orang yang menyucikan jiwanya (dengan iman dan amalan soleh). Dan sesungguhnya telah rugi orang yang mengotorinya (dengan sebab maksiat)”*

Persiapan kedua adalah persiapan ilmu. Imam al-Bukhari telah menyatakan bahawa tanpa ilmu bagaimana kita boleh beramal selama bulan Ramadan dengan sebaiknya? Ramai orang yang berpuasa tanpa ilmu di dada, di khawatiri ibadah yang diharapkan mendapat pahala sebaliknya tidak diterima.

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersabda dalam hadis riwayat Imam Ahmad:

Yang bermaksud: *“Sesiapa yang berpuasa Ramadan dalam keadaan dia mengetahui batasannya dan memelihara perkara sepatutnya dijaga dalam bulan Ramadan, maka Allah Subhanahu wa Taala akan menghapuskan dosanya yang lalu.”*

Daripada hadis ini, hendaklah kita melengkapkan diri kita dengan ilmu yang berkaitan secara langsung dengan amalan pada bulan Ramadan seperti kewajiban puasa, syarat dan rukun puasa, perkara yang membatalkan puasa serta sunat-sunatnya. Begitu juga hukum-hakam yang berkaitan dengan solat tarawih, solat witir, iktikaf, tadarus al-Quran, sedekah, qiamulail, zikir, dan sebagainya.

Persiapan yang ketiga adalah persiapan jasmani khususnya dari sudut penjagaan kesihatan. Selama sebulan kita akan menahan diri daripada lapar dan dahaga serta perkara-perkara yang membatalkan puasa, sudah tentu kita perlu bersedia dari segi kesihatan diri. Kesihatan tubuh badan yang sempurna menjamin kesempurnaan ibadah puasa. Kecerdasan seluruh anggota badan diperlukan kerana pada bulan Ramadan tubuh badan dikerah bekerja kuat melaksanakan segala amalan seperti solat sunat tarawih, qiamullail, membaca al-Quran, iktikaf dan sebagainya.



Amalkan pemakanan seimbang serta sentiasa bersenam untuk menyihatkan tubuh badan.

Persiapan seterusnya adalah persiapan kewangan. Kita digalakkan sebelum kedatangan Ramadan berusaha menambahkan sumber pendapatan dan menabung bagi tujuan melaksanakan amalan bersedekah di bulan Ramadan seperti memberi makan orang yang berbuka puasa kerana ganjaran pahalanya sangat besar. Sabda Rasulullah Sallallahu ‘Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad;

Yang bermaksud: *"Sesiapa yang memberi makan orang yang berpuasa maka baginya sama pahala dengan orang yang berpuasa tersebut tanpa dikurangkan sedikitpun pahala orang yang berpuasa itu"*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Taala

Menjelang Ramadan ini, kita hendaklah mendidik diri kita menjadi orang yang bertakwa. Ketika berpuasa kita bukan sahaja menahan diri dari keinginan makan dan minum malahan segala nafsu seluruh anggota badan kita seperti mulut, mata, hati dan kemaluan juga hendaklah turut berpuasa.

Marilah kita bersama-sama membuat persediaan dengan sebaiknya untuk bertemu dengan Ramadan pada kali ini. Mudah-mudahan kita menjadi hamba yang bertakwa kepada Allah Subhanahu wa Taala.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



مَنْ عَمِلَ صَالِحًا مِّنْ ذَكَرٍ أَوْ أُنْثَىٰ وَهُوَ مُؤْمِنٌ فَلَنُحْيِيَنَّهٗ حَيٰوةً طَيِّبَةً وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ
أَجْرَهُمْ بِأَحْسَنِ مَا كَانُوا يَعْمَلُونَ

بَارِكْ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ
لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، اللهُ الْعَظِيمِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمِ